

# Lepas 4 das elak bot peronda

HM 08/04/24 m/s 12

## Dua anggota APMM cedera di mata, tangan dalam insiden tembakan ketika Op Khas Pagar Laut

Oleh Juwan Riduan  
am@hmetro.com.my

Lahad Datu

Dua anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) cedera dalam insiden tembakan di kedudukan 0.2 batu nautika timur laut, Kampung Pangli Kunak di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 8.30 pagi itu, kedua mangsa iaitu Zainal Abad Komel, 45, yang juga Ketua Bot Banggi 48 cedera di mata, manakala Prayrie De Cuella Jimin, 35, cedera di kedua-dua belah tangan.

Pengarah Zon APMM Lahad Datu Komander Maritim Dr Suzanna Razali



ANGGOTA APMM yang cedera di mata selepas ditembak penjenayah.

KESAN tembakan pada Bot Banggi.

Chan berkata, berdasarkan laporan awal, insiden berlaku apabila pasukan bot ronda APMM cuba menahan sebuah bot enjin sangkut untuk pemeriksaan Op Khas Pagar Laut.

Menurutnya, sebaik dihampiri, tiga suspek yang berada di atas bot berkenaan tiba-tiba melepaskan empat das tembakan ke arah Bot Banggi 48.

"Kumpulan suspek terbabit dipercayai bertindak melepaskan tembakan bagi mengelakkan daripada anggota bot peronda APMM menghampiri mereka.

"Pasukan operasi turut melepaskan tembakan balas namun kumpulan terbabit berjaya melarikan diri," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Dr Suzanna berkata, susulan daripada insiden berkenaan, pihak APMM sudah mengatur gerak Pasukan Tindakan Khas dan Penyelamat, pesawat udara dan Bahagian Perisikan Maritim ke lokasi kejadian.

"Semua pasukan berkenaan akan menjalankan siasatan bagi mengesan semua suspek terbabit.

"Kedua anggota APMM yang cedera itu sudah dihantar ke Hospital Kunak bagi mendapatkan rawatan lanjut," katanya.